| 15. | 2024 | PERMOHONAN KEBENARAN MERANCANG BAGI CADANGAN MEMBINA KILANG SETINGKAT DI ATAS LOT 31081, MUKIM 14, DAERAH SEBERANG PERAI TENGAH. UNTUK TETUAN: OTO VENDING SDN. BHD. MBSP/70/30-44/15 B. 2(62A) OSC LULUS PADA 10 JULAI 2024 | KAWASAN INDUSTRI RINGAN ASAS JAYA | MAJLIS BANDARAYA SEBERANG PERAI |
| 16. | 2024 | PERMOHONAN KEBENARAN MERANCANG BAGI CADANGAN PINDAAN DAN TAMBAHAN KEPADA KILANG PEJABAT BERKEMBAR 3 | JALAN SIRAM | MAJLIS BANDARAYA SEBERANG PERAI |

| BIL. | TAHUN | CADANGAN PEMAJUAN | LOKASI | JABATAN |
|------|-------|--|--------------------------|--|
| | | TINGKAT SEDIA ADA DI ATAS LOT 10117 SEKSYEN 3 BANDAR BUTTERWORTH SEBERANG PERAI UTARA. UNTUK: TETUAN BNQ ENGINEERING SDN. BHD. MBSP/70/30-23/10(6A) OSC LULUS PADA 22 APRIL 2024 | | |
| 17. | 2020 | CADANGAN PINDAAN DAN TAMBAHAN KEPADA 1 UNIT RUMAH SESEBUAH 2 TINGKAT SEDIA ADA DI NO. 108, JALAN YORK | JALAN YORK | MAJLIS BANDARAYA PULAU PINANG |
| 18. | 2020 | MEROBOH RUMAH BERKEMBAR 1 TINGKAT SEDIA ADA NO. 50, LENGKOK P.RAMLEE DAN CADANGAN MENDIRIKAN 1 UNIT RUMAH BERKEMBAR 2 TINGKAT | LENGKOK P. RAMLEE | MAJLIS BANDARAYA PULAU PINANG |
| 19. | 2020 | KERJA-KERJA TELAH DIJALANKAN UNTUK PINDAAN, TAMBAHAN DAN TUKARGUNA 2 UNIT BANGUNAN 3 TINGKAT SEDIA ADA NO. 38 & 40, JALAN PINTAL TALI DARIPADA 'RUMAH KEDAI' KEPADA 'HOTEL' (6 BILIK) | JALAN PINTAL TALI | MAJLIS BANDARAYA PULAU PINANG |
| 20. | 2020 | KERJA-KERJA TELAH DIJALANKAN UNTUK PINDAAN DAN TUKARGUNA BANGUNAN KEDAI/PEJABAT SEDIA ADA 5 TINGKAT KEPADA HOTEL JIMAT 32 BILIK (PREMIS NO. S5-001) | JALAN MAYANG PASIR | MAJLIS BANDARAYA PULAU PINANG |

| BIL. | TAHUN | CADANGAN PEMAJUAN | LOKASI | JABATAN |
|-------------|--------------|--|-------------------|-------------------------------|
| 21. | 2020 | PINDAAN KEPADA 1 UNIT KEDAI PEJABAT 5 TINGKAT SEDIA ADA NO. 5-G-15, THE PROMENADE, PERSIARAN MAHSURI, SERTA TUKARGUNA BANGUNAN KEDAI PEJABAT KEPADA HOTEL JIMAT (38 BILIK) | PERSIARAN MAHSURI | MAJLIS BANDARAYA PULAU PINANG |
| 22. | 2020 | KERJA-KERJA TELAH DIJALANKAN UNTUK CADANGAN PINDAAN DAN TAMBAHAN SERTA TUKARGUNA KEDIAMAN SEDIA ADA NO. 811-A, JALAN HASSAN ABAS KEPADA BANGUNAN HOTEL JIMAT 4 TINGKAT (20 BILIK) | JALAN HASSAN ABAS | MAJLIS BANDARAYA PULAU PINANG |
| 23. | 2020 | KERJA-KERJA TELAH DIJALANKAN UNTUK TUKARGUNA BANGUNAN 2 TINGKAT SEDIA ADA DI ARENA CURVE, JALAN MAHSURI YANG TERDIRI DARIPADA KEDAI/PEJABAT SEDIA ADA KEPADA TADIKA (UNIT NO.72-2-77), KEDAI/PEJABAT SEDIA ADA KEPADA PUSAT TUSYEN (UNIT NO.72-2-78) | JALAN MAHSURI | MAJLIS BANDARAYA PULAU PINANG |
| 24. | 2020 | KERJA-KERJA TELAH DIJALANKAN UNTUK CADANGAN PENUKARAN KEGUNAAN BANGUNAN DARIPADA KEDAI/PEJABAT KEPADA INSTITUSI UNTUK PREMIS 3 TINGKAT SEDIA ADA NO.72-1-46,72-1-47,72-2-43, 72-2-43A, 72-2-45, 72-2-46, 72-2-47, 72-2-48,72-3-47 & 72-3-48, ARENA CURVE | JALAN MAHSURI | MAJLIS BANDARAYA PULAU PINANG |

| BIL. | TAHUN | CADANGAN PEMAJUAN | LOKASI | JABATAN |
|------|-------|---|------------------|-------------------------------|
| 25. | 2021 | CADANGAN MENDIRIKAN SEBUAH BANGUNAN TAMBAHAN PENCAWANG MASUK UTAMA (PMU) 132/11 KV DAN 132/33 KV 3 TINGKAT | JALAN THEAN TEIK | MAJLIS BANDARAYA PULAU PINANG |
| 26. | 2021 | PERMOHONAN KEBENARAN MERANCANG BAGI MEROBOHKAN RUMAH TERES 1 TINGKAT SEDIA ADA NO.11 SOLOK VAN PRAAGH DAN CADANGAN MENDIRIKAN RUMAH TERES 2 TINGKAT. DI ATAS LOT 1473, SEKSYEN 6, BANDAR GEORGE TOWN, DAERAH TIMUR LAUT, PULAU PINANG | SOLOK VAN PRAAGH | MAJLIS BANDARAYA PULAU PINANG |
| 27. | 2021 | PERMOHONAN KEBENARAN MERANCANG UNTUK CADANGAN MENDIRIKAN 1 UNIT RUMAH SESEBUAH 3 TINGKAT. DI ATAS LOT 257, SEKSYEN 6, JALAN GEMAS, BANDAR GEORGETOWN, PULAU PINANG. UNTUK EN. ABDUL RAHIM BIN MANSOR & PN UMI NATRAH BINTI MOHAMAD KASA @ RAMLI | JALAN GEMAS | MAJLIS BANDARAYA PULAU PINANG |
| 28. | 2021 | PERMOHONAN KEBENARAN MERANCANG UNTUK KERJA-KERJA TELAH DIJALANKAN BAGI PINDAAN, TAMBAHAN DAN TUKARGUNA BANGUNAN SESEBUAH 2 TINGKAT SEDIA ADA NO. 65, JALAN UTAMA | JALAN UTAMA | MAJLIS BANDARAYA PULAU PINANG |

| BIL. | TAHUN | CADANGAN PEMAJUAN | LOKASI | JABATAN |
|------|-------|---|--------------------------|-------------------------------|
| | | <p>DARIPADA KEDIAMAN KEPADA TADIKA</p> <p>DI ATAS PLOT 1 (LOT LAMA 1203), SEKSYEN 3, BANDAR GEORGE TOWN, DAERAH TIMUR LAUT, PULAU PINANG</p> <p>UNTUK TETUAN PERTUBUHAN KEBAJIKAN ISLAM MALAYSIA (PERKIM)</p> | | |
| 29. | 2021 | <p>CADANGAN:</p> <p>i) PINDAAN DAN TAMBAHAN 1 TINGKAT KEPADA BANGUNAN 2 TINGKAT SEDIA ADA NO. 48, LOVE LANE MENJADI 3 TINGKAT.</p> <p>ii) TUKARGUNA BANGUNAN 2 TINGKAT SEDIA ADA DARIPADA 'RUMAH KEDAI' KEPADA 'HOTEL' (1 BILIK).</p> <p>DI ATAS LOT 154, SEKSYEN 19, BANDAR GEORGE TOWN, DAERAH TIMUR LAUT, PULAU PINANG.</p> <p>UNTUK TETUAN HARTANAH SANJUNG (M) SDN. BHD.</p> | LOVE LANE | MAJLIS BANDARAYA PULAU PINANG |
| 30. | 2021 | <p>PERMOHONAN KEBENARAN MERANCANG UNTUK CADANGAN MEROBOHKAN 6 UNIT RUMAH BERKEMBAR 1 TINGKAT SEDIA ADA BERALAMAT NO. 2, NO. 4, NO. 6, NO. 8, NO.14, NO. 16 DAN 1 UNIT RUMAH SESEBUAH 1 TINGKAT SEDIA ADA</p> | JALAN TAMAN THEAN TEIK 1 | MAJLIS BANDARAYA PULAU PINANG |

| BIL. | TAHUN | CADANGAN PEMAJUAN | LOKASI | JABATAN |
|------|-------|---|-----------------------|-------------------------------|
| | | BERALAMAT NO. 11A, JALAN TAMAN THEAN TEIK 1. DI ATAS LOT 2504, MUKIM 13, DAERAH TIMUR LAUT, PULAU PINANG. UNTUK ENCIK KHOO TENG KEAT DAN ENCIK KHOO KAH CHUAN | | |
| 31. | 2021 | PERMOHONAN KEBENARAN MERANCANG UNTUK MEROBOH BANGUNAN USANG 2 TINGKAT NO.91A, JALAN SHAIK MADAR DAN CADANGAN MENDIRIKAN RUMAH SESEBUAH 2 TINGKAT. DI ATAS LOT 1570, SEK.5, BANDAR GEORGETOWN, D.T.L., PULAU PINANG. UNTUK CIK. GOH HIM LING & EN. GOH SEOW PHENG | JALAN SHAIKH MADAR | MAJLIS BANDARAYA PULAU PINANG |
| 32. | 2021 | PERMOHONAN KEBENARAN MERANCANG UNTUK: (A) CADANGAN MEROBOHKAN SEBUAH BANGUNAN TEMPAT LETAK KENDERAAN 2 TINGKAT SEDIA ADA; DAN (B) CADANGAN MENDIRIKAN 1 BLOK PEMBANGUNAN KEDIAMAN 20 TINGKAT YANG TERDIRI DARIPADA: (I) 7 TINGKAT PODIUM MENGANDUNGI 1 TINGKAT KEDAI DI TINGKAT 1 (26 UNIT); | PERSIARAN MAHSURI 1/1 | MAJLIS BANDARAYA PULAU PINANG |

| BIL. | TAHUN | CADANGAN PEMAJUAN | LOKASI | JABATAN |
|------|-------|--|------------------|-------------------------------|
| | | <p>5 TINGKAT TEMPAT LETAK KERETA DI TINGKAT 2-6, DAN 1 TINGKAT KEMUDAHAN MASYARAKAT DI TINGKAT 7; (II) 13 TINGKAT PANGSAPURI DI TINGKAT 8-20 (156 UNIT) DI ATAS LOT-LOT 13180, 13181 & 15835, PERSIARAN MAHSURI 1/1, MUKIM 12, DAERAH BARAT DAYA, PULAU PINANG.</p> <p>UNTUK TETUAN SUNWAY TUNAS SDN. BHD.</p> | | |
| 33. | 2021 | <p>PERMOHONAN KEBENARAN MERANCANG BAGI CADANGAN MEMBINA DAN MENYIAPKAN SEBUAH SURAU 2 TINGKAT.</p> <p>DI ATAS LOT 71723, LORONG MAHSURI 1, MUKIM 12, BANDAR BAYAN BARU, DAERAH BARAT DAYA, PULAU PINANG.</p> | LORONG MAHSURI 1 | MAJLIS BANDARAYA PULAU PINANG |
| 34. | 2021 | <p>PERMOHONAN KEBENARAN MERANCANG UNTUK MEROBOH BANGUNAN ANNEX 1 TINGKAT SEDIA ADA DAN CADANGAN MENDIRIKAN 1 BLOK BANGUNAN PERUBATAN 12 TINGKAT YANG BERSAMBUNG KEPADA HOSPITAL 4 TINGKAT SEDIA ADA YANG TERDIRI DARI 2 BAHAGIAN:</p> <p>A) BANGUNAN PERUBATAN 12 TINGKAT YANG MENGANDUNGI:</p> | JALAN TENGAH | MAJLIS BANDARAYA PULAU PINANG |

| BIL. | TAHUN | CADANGAN PEMAJUAN | LOKASI | JABATAN |
|------|-------|--|---------------|-------------------------------|
| | | <p>i) KEMUDAHAN HOSPITAL, RUANG RAWATAN DAN WAD PESAKIT (TINGKAT G-5), ii) RUANG PENGURUSAN HOSPITAL (TINGKAT 6), iii) RUANG RAWATAN DAN WAD PESAKIT (TINGKAT 7-11)</p> <p>B) BANGUNAN ANNEX 11 TINGKAT YANG MENGANDUNGI: i) PENCAWANG TNB, BILIK M&E DAN KEMUDAHAN HOSPITAL (TINGKAT G), ii) TEMPAT LETAK KENDERAAN (TINGKAT 1-10)</p> <p>DI ATAS SEBAHAGIAN LOT 11546, NO. 82, JALAN TENGAH, MUKIM 12, D.B.D, PULAU PINANG.</p> <p>UNTUK TETUAN SYARIKAT TUNAS PANTAI SDN. BHD. (241297-H)</p> | | |
| 35. | 2021 | <p>PERMOHONAN KEBENARAN MERANCANG BAGI MEROBOH 2 UNIT RUMAH TERES 1 TINGKAT SEDIA ADA DAN CADANGAN MEMBINA SEMULA SEBUAH RUMAH TERES 2 TINGKAT NO.84 & NO.86. DI ATAS LOT 6594 & LOT 6595, JALAN MAHSURI, MUKIM 12, DAERAH BARAT DAYA, PULAU PINANG.</p> <p>UNTUK TETUAN DATO' BAHURDIN BIN ABDUL KADER /</p> | JALAN MAHSURI | MAJLIS BANDARAYA PULAU PINANG |

| BIL. | TAHUN | CADANGAN PEMAJUAN | LOKASI | JABATAN |
|------|-------|---|------------------------|-------------------------------|
| | | DATIN RAHMATH BEEVI BINTI SHAHUL HAMID | | |
| 36. | 2022 | <p>CADANGAN MEMBINA SEBUAH HOSPITAL PAKAR SWASTA 15 TINGKAT YANG TERDIRI DARIPADA:</p> <p>i.HOSPITAL PAKAR SWASTA DI TINGKAT BAWAH, TINGKAT 8 HINGGA TINGKAT 14; ii.TEMPAT LETAK KENDERAAN DI TINGKAT 1 HINGGA TINGKAT 7.</p> | JALAN MAYANG PASIR 2 | MAJLIS BANDARAYA PULAU PINANG |
| 37. | 2022 | <p>PERMOHONAN KEBENARAN MERANCANG UNTUK MEMBINA RUMAH SESEBUAH 2 TINGKAT.</p> <p>DI ATAS LOT 834, LINTANG KAMPUNG RAWA 1, SEK 9-W, BANDAR GEORGE TOWN, DAERAH TIMUR LAUT, PULAU PINANG.</p> <p>UNTUK TETUAN TECH PRO ELECTRICAL ENGINEERING SDN. BHD.</p> | LINTANG KAMPUNG RAWA 1 | MAJLIS BANDARAYA PULAU PINANG |
| 38. | 2022 | <p>PERMOHONAN KEBENARAN MERANCANG UNTUK CADANGAN MENDIRIKAN BANGUNAN KOMERSIAL 3 TINGKAT YANG MENGANDUNGI:</p> <p>I) TEMPAT LETAK KENDERAAN DI PARAS 1 II) 16 UNIT KEDAI DI PARAS 2 III) RUANG TERBUKA DI PARAS 3</p> | LOVE LANE | MAJLIS BANDARAYA PULAU PINANG |

| BIL. | TAHUN | CADANGAN PEMAJUAN | LOKASI | JABATAN |
|------|-------|--|--------------------------------------|-------------------------------|
| | | <p>DI ATAS LOT 686 & 687, LOVE LANE, SEKSYEN 19, BANDAR GEORGE TOWN, DAERAH TIMUR LAUT, PULAU PINANG.</p> <p>UNTUK TETUAN ZANTALITE ENTERPRISE (M) SDN. BHD. (342504-T)</p> | | |
| 39. | 2022 | <p>PERMOHONAN KEBENARAN MERANCANG BAGI CADANGAN MENDIRIKAN SEBUAH BANGUNAN TAMBAHAN PENCAWANG MASUK UTAMA (PMU) 132/11 KV DAN 132/33 KV 3 TINGKAT JALAN THEAN TEIK.</p> <p>DI ATAS LOT 7720, MUKIM 13, DAERAH TIMUR LAUT, PULAU PINANG.</p> <p>PERMOHONAN KEBENARAN MERANCANG INI TELAH DILULUSKAN MELALUI NO KELULUSAN MBPP/OSC/PM3921/19(LB) PADA 27.1.2021(PELAN IDENTICAL).</p> <p>UNTUK TETUAN TENAGA NASIONAL BERHAD</p> | JALAN THEAN TEIK | MAJLIS BANDARAYA PULAU PINANG |
| 40. | 2023 | <p>PERMOHONAN KEBENARAN MERANCANG UNTUK CADANGAN MENDIRIKAN:</p> <p>A) FASA 1 1 BLOK BANGUNAN KONDOMINIUM 44 TINGKAT (HAKMILIK STRATA) YANG MENGANDUNGI:</p> | LEBUHRAYA PYKETT/ JALAN WESTLANDS | MAJLIS BANDARAYA PULAU PINANG |

| BIL. | TAHUN | CADANGAN PEMAJUAN | LOKASI | JABATAN |
|------|-------|---|-------------------|-------------------------------|
| | | <p>I) 8 TINGKAT TEMPAT LETAK KENDERAAN (ARAS 1-8) II) 2 TINGKAT KEMUDAHAN REKREASI (ARAS 9 -10) III) 2 MENARA KONDOMINIUM 34 TINGKAT (596 UNIT) (ARAS 11 - 44)</p> <p>B) FASA 2 I) 1 UNIT BANGUNAN PERNIAGAAN 2 TINGKAT.</p> <p>DI ATAS LOT 951, LEBUHRAYA PYKETT / JALAN WESTLANDS, SEKSYEN 13, BANDAR GEORGE TOWN, DAERAH TIMUR LAUT, PULAU PINANG.</p> <p>UNTUK TETUAN UNICORN SALUTE SDN. BHD.</p> | | |
| 41. | 2023 | <p>PERMOHONAN KEBENARAN MERANCANG BAGI CADANGAN MEMBINA SEBUAH BANGUNAN KOMPLEKS SUKAN 3 TINGKAT YANG MENGANDUNGI:</p> <p>1) RUANG TEMPAT LETAK MOTOSIKAL DAN TADIKA DI TINGKAT SATU 2) RUANG REKREASI SERBAGUNA DAN TADIKA DI TINGKAT DUA 3) RUANG REKREASI SERBAGUNA DAN UTILITI SUKAN DI TINGKAT TIGA DAN RUANG GIM DI TINGKAT (MEZZANIN)</p> | PERSIARAN MAHSURI | MAJLIS BANDARAYA PULAU PINANG |

| BIL. | TAHUN | CADANGAN PEMAJUAN | LOKASI | JABATAN |
|------|-------|--|--|--|
| | | <p>DI ATAS PLOT B (TANAH KERAJAAN) DAN SEBAHAGIAN LOT 9562 & Pt 6722, PERSIARAN MAHSURI, BANDAR BAYAN BARU, MUKIM 12, DAERAH BARAT DAYA, PULAU PINANG.</p> <p>UNTUK TETUAN PERBADANAN PEMBANGUNAN PULAU PINANG</p> | | |
| 42. | 2024 | <p>PERMOHONAN KEBENARAN MERANCANG BAGI KERJA-KERJA YANG TELAH DIJALANKAN UNTUK CADANGAN KERJA TANAH SERTA KERJA-KERJA YANG BERSANGKUTAN DENGANNYA.</p> <p>DI ATAS SEBAHAGIAN LOT 449, 450, 1564, 1565, 1566, 1572, 1573, 1576 DAN LOT-LOT 168, 169, 170, 171, 437, 439, 440, 441, 443, 803, 1401, 1557, 1558, 1559, 1560, 1561, 1562, 1563, 1574, 1816, 1817, 1818, 1819, 1820, 1821, 7574, MUKIM 12, DAERAH BARAT DAYA, BERSEBELAHAN LAPANGAN TERBANG ANTARABANGSA BAYAN LEPAS, PULAU PINANG.</p> <p>UNTUK TETUAN PERBADANAN PEMBANGUNAN PULAU PINANG</p> | <p>BERSEBELAHAN LAPANGAN TERBANG ANTARABAN GSA BAYAN LEPAS</p> | <p>MAJLIS BANDARAYA PULAU PINANG</p> |
| 43. | 2024 | <p>PERMOHONAN KEBENARAN MERANCANG UNTUK CADANGAN:</p> | <p>JALAN TENGAH</p> | <p>MAJLIS BANDARAYA PULAU PINANG</p> |

| BIL. | TAHUN | CADANGAN PEMAJUAN | LOKASI | JABATAN |
|------|-------|--|---------------|-------------------------------|
| | | <p>FASA 1: I) MENDIRIKAN 1 BLOK HOSPITAL 9 TINGKAT (PARAS 1 - 9) TERMASUK TEMPAT LETAK KENDERAAN BERTINGKAT (PARAS 2 - 4) II) PENCAWANG TNB DAN KEMUDAHAN HOSPITAL (PARAS 1)</p> <p>FASA 2: I) MEROBOH SEBAHAGIAN 1 UNIT BANGUNAN PERUBATAN 4 TINGKAT SEDIA ADA II) MENDIRIKAN 1 BLOK HOSPITAL 7 TINGKAT (PARAS 1 - 7) BERSAMA DENGAN 3 TINGKAT BASEMEN TEMPAT LETAK KENDERAAN (PARAS B1 – B3)</p> <p>FASA 3: I) MEROBOH SEBAHAGIAN 1 UNIT BANGUNAN PERUBATAN 4 TINGKAT SEDIA ADA II) MENDIRIKAN 1 TINGKAT FASILITI PERUBATAN (DI PARAS 1) DAN 3 TINGKAT BASEMEN TEMPAT LETAK KENDERAAN (PARAS B1 – B3)</p> <p>DI ATAS LOT 11546, NO. 82, JALAN TENGAH, MUKIM 12, DAERAH BARAT DAYA, PULAU PINANG.</p> <p>UNTUK TETUAN SYARIKAT TUNAS PANTAI SDN. BHD.</p> | | |
| 44. | 2025 | PERMOHONAN KEBENARAN MERANCANG BAGI KERJA-KERJA YANG TELAH DIJALANKAN UNTUK | JALAN MAHSURI | MAJLIS BANDARAYA PULAU PINANG |

| BIL. | TAHUN | CADANGAN PEMAJUAN | LOKASI | JABATAN |
|------|-------|--|--------|---------|
| | | <p>TUKARGUNA BANGUNAN 1 UNIT RUMAH BERKEMBAR 1 TINGKAT SEDIADA NO. 2A JALAN MAHSURI, DARIPADA KEDIAMAN KEPADA PERNIAGAAN (BILIK PAMERAN & AKSESORI MOTORSIKAL).</p> <p>DI ATAS LOT 3413, MUKIM 12, DERAH BARAT DAYA, PULAU PINANG.</p> <p>UNTUK TETUAN HEM SUPER SURPRISE MOTOR CENTRE</p> | | |

**MESYUARAT PERTAMA PENGGAL KETIGA
DEWAN UNDANGAN NEGERI PULAU PINANG
YANG KELIMA BELAS
16 MEI 2025**

PERKARA : 5(A)(XVII)22

**SOALAN BERTULIS OLEH AHLI KAWASAN PINANG TUNGGAL
YB BUKHORI BIN GHAZALI**

22. Apakah justifikasi pelantikan Penyelaras KADUN?
- (a) Adakah berlaku pertindihan fungsi Penyelaras KADUN dengan ADUN setempat?
 - (b) Bagaimanakah dapat dipastikan fungsi dan kerjasama MPKK, JPKKP, KRT, JPWK dan JBPP di setiap DUN dapat dioptimumkan demi kepentingan rakyat?

**YB DATO' DR. MOHAMAD BIN ABDUL HAMID
MENJAWAB BAGI PIHAK YAB KETUA MENTERI**

22. Seramai 11 orang Penyelaras KADUN yang telah dilantik bagi penggal ini dimana Penyelaras KADUN bertindak sebagai perantara di antara Kerajaan Negeri dan penduduk setempat di kawasan DUN pihak pembangkang.
- (a) Tiada pertindihan fungsi di antara ADUN setempat dan Penyelaras KADUN walaupun kedua-dua menjaga kawasan yang sama, malahan ini merupakan satu kelebihan yang harus diraikan memandangkan kebajikan penduduk tersebut dijaga dan dititik berat oleh dua pihak yang berbeza,
 - (b) Fungsi dan kerjasama MPKK, JPKKP, KRT, JPWK dan JBPP di setiap DUN dapat dioptimumkan melalui peranan setiap ADUN dan Penyelaras KADUN di sesuatu kawasan.

Kesemua senarai jawatankuasa mempunyai peranan dan tanggungjawab yang berbeza bagi memastikan tiada pertindihan berlaku.

**MESYUARAT PERTAMA PENGGAL KETIGA
DEWAN UNDANGAN NEGERI PULAU PINANG
YANG KELIMA BELAS
16 MEI 2025**

PERKARA : 5(A)(XVII)23

**SOALAN BERTULIS OLEH AHLI KAWASAN PINANG TUNGGAL
YB BUKHORI BIN GHAZALI**

23. Senaraikan jumlah kebakaran rumah kedai dan kediaman di DUN Pinang Tunggal dari tahun 2020 sehingga kini.
- (a) Nyatakan jumlah kerugian dan kematian.
 - (b) Apakah punca utama kebakaran tersebut dan bentuk bantuan yang disalurkan melalui agensi-agensi berkaitan?
 - (c) Apakah langkah-langkah pencegahan?

**YB H'NG MOOI LYE
MENJAWAB BAGI PIHAK YAB KETUA MENTERI**

23. Jumlah keseluruhan kebakaran rumah kedai dan kediaman di KADUN Pinang Tunggal sejak tahun 2020 sehingga kini adalah sebanyak **94 kes**. Perinciannya mengikut tahun adalah seperti berikut:

| Tahun | Jumlah Kes Kebakaran |
|----------------------------|-----------------------------|
| 2020 | 10 |
| 2021 | 18 |
| 2022 | 21 |
| 2023 | 12 |
| 2024 | 26 |
| 2025(sehingga bulan April) | 7 |
| Jumlah | 94 kes |

- (a) Jumlah kerugian disebabkan oleh kebakaran rumah kedai dan kediaman adalah sebanyak **RM2,862,473.90** dan juga melibatkan **satu (1) kematian**. Perinciannya mengikut tahun adalah seperti berikut:

| Tahun | Jumlah Kerugian (RM) | Kematian |
|---------------|-----------------------------|--------------------------|
| 2020 | 423,160.00 | Tiada |
| 2021 | 357,178.50 | Tiada |
| 2022 | 726,855.00 | 1 Mangsa (Lelaki Melayu) |
| 2023 | 414,650.40 | Tiada |
| 2024 | 768,420.00 | Tiada |
| 2025 | 172,210.00 | Tiada |
| Jumlah | 2,862,473.90 | 1 kematian |

- (b) Berdasarkan analisa data yang dibuat, punca utama kebakaran yang berlaku di KADUN Pinang Tunggal adalah kerana kegagalan pada pendawaian elektrik yang disebabkan oleh pendawaian elektrik yang telah uzur dan pendawaian elektrik yang dibuat oleh orang yang tidak kompeten. Punca ini juga mencatatkan peratusan tertinggi pada setiap tahun. Selain itu, terdapat juga punca lain yang minor iaitu seperti permukaan panas yang ditinggalkan tanpa dipadamkan api, peralatan gas yang terdedah, pelita/lilin dan api bara yang ditinggalkan berpunca daripada puntung rokok atau colok.

Antara jenis bantuan yang disediakan adalah seperti berikut:

- (i) **Jabatan Kebajikan Masyarakat (JKM)** - bantuan kewangan kecemasan dan keperluan asas;
- (ii) **Jabatan Bomba dan Penyelamat Malaysia (JBPM)** - pemeriksaan keselamatan dan program kesedaran; dan
- (iii) **Pejabat ADUN/Parlimen** - sumbangan berbentuk barangan asas dan pembaikan sementara.

- (c) Antara langkah pencegahan daripada berlaku kebakaran adalah seperti berikut:
- (i) Memaklumkan kepada penghuni agar melakukan **pemeriksaan pendawaian elektrik secara berkala** untuk mencegah kebakaran akibat litar pintas;
 - (ii) Mengadakan **Kempen Kesedaran Keselamatan Kebakaran** di kawasan perumahan;
 - (iii) Menggalakkan **Pemasangan alat pengesan asap dan pemadam api** di rumah;
 - (iv) Memberi **latihan dan demo amalan** selamat semasa memasak dan penggunaan peralatan gas; dan
 - (v) Menasihati penghuni tentang **larangan penggunaan lilin/pelita tanpa pengawasan** terutama semasa waktu malam atau musim perayaan.

**MESYUARAT PERTAMA PENGGAL KETIGA
DEWAN UNDANGAN NEGERI PULAU PINANG
YANG KELIMA BELAS
16 MEI 2025**

PERKARA : 5(A)(XVII)24

**SOALAN BERTULIS OLEH AHLI KAWASAN PINANG TUNGGAL
YB BUKHORI BIN GHAZALI**

24. Senaraikan dewan orang ramai dan pihak yang bertanggungjawab menjaganya di DUN Pinang Tunggal.
- (a) Nyatakan SOP permohonan orang ramai untuk menyewa dan menggunakan dewan ini.
 - (b) Adakah perancangan untuk membina dewan yang baharu dalam masa terdekat?

**YB H'NG MOOI LYE
MENJAWAB BAGI PIHAK YAB KETUA MENTERI**

24. Senarai dewan orang ramai dan pihak yang bertanggungjawab menjaganya di DUN Pinang Tunggal adalah seperti di **LAMPIRAN A**.
- (a) SOP permohonan orang ramai untuk menyewa dan menggunakan dewan ini adalah dengan berhubung terus dengan pengurus dewan yang telah mendapat kebenaran dari MBSP. Syarat-syarat dan caj bayaran sewaan yang dikenakan adalah tertakluk kepada pihak pengurusan dewan.
 - (b) Kerajaan Negeri melalui MBSP dan Pejabat Daerah Seberang Perai Utara tiada apa-apa perancangan untuk membina dewan yang baharu dalam masa terdekat. Kerajaan Negeri akan mengkaji keperluan tambahan dewan baharu di DUN Pinang Tunggal dari semasa ke semasa.

**SENARAI DEWAN ORANG RAMAI DAN PIHAK YANG BERTANGGUNGJAWAB
DI DUN PINANG TUNGGAL**

| BIL | DEWAN ORANG RAMAI SPU | PENYELARAS DEWAN | PEMILIK |
|------------|--|---|----------------|
| 1 | DEWAN TMN BERTAM PUTRA SEK 6/28 | MPKK TOK BEDU | MBSP |
| 2 | DEWAN TMN BERTAM PGR | PERSATUAN PENDUDUK PENANG GOLF RESORT (PGR) | MBSP |
| 3 | TADIKA TMN BERTAM PGR | PERSATUAN PENDUDUK PENANG GOLF RESORT (PGR) | MBSP |
| 4 | DEWAN TMN BERTAM PERMAI | KOSONG (DAHULU MPKK PMTG TINGGI B) | MBSP |
| 5 | DEWAN TMN BERTAM PERDANA [BENTARA 18] | PERSATUAN PEND. TMN BERTAM PERDANA | MBSP |
| 6 | TADIKA TMN BERTAM PERDANA [BENTARA 18] | KEMAS KAWASAN KEPALA BATAS | MBSP |
| 7 | DEWAN TMN PUTERA BERTAM (FASA 2), LOT 9686, SEK 5/14 | KRT FASA 2 BANDAR PUTRA BERTAM | MBSP |
| 8 | DEWAN BERTAM PERDANA 2, LOT PT 1663 [LAKEHOMES] | PERSATUAN PENDUDUK BERTAM LAKEHOMES | MBSP |
| 9 | DEWAN BERTAM PERDANA, LRG. SHAHBANDAR 19, | PERSATUAN KOMUNITI SHAHBANDAR (KOSONG) | MBSP |
| 10 | BANGUNAN TADIKA BERTAM PERDANA, LRG. SHAHBANDAR 19, | PERSATUAN KOMUNITI SHAHBANDAR (KOSONG) | MBSP |
| 11 | TADIKA BERTAM PERDANA 2, LRG. BENDAHARA 6, [LAKEHOMES] | PERSATUAN PENDUDUK BERTAM LAKEHOMES | MBSP |
| 12 | DEWAN BERTAM PERDANA 3, LORONG HULUBALANG 9, | MPKK LADANG MALAKOFF | MBSP |
| 13 | DEWAN LORONG LIMONIA 11, BERTAM PERDANA 2 [LAKESIDES] | MPKK LADANG MALAKOFF | MBSP |
| 14 | TADIKA LORONG LIMONIA 11, BERTAM PERDANA 2 [LAKESIDES] | MPKK LADANG MALAKOFF | MBSP |
| 15 | DEWAN TADIKA JLN PINGGIRAN 1, BERTAM PERDANA 4, MK. 3 | MPKK PERMATANG LANGSAT | MBSP |
| 16 | PERDANA 4, MK.3 | MPKK PERMATANG LANGSAT | MBSP |
| 17 | 7011), MK. 6 | MPKK TOK BEDU | MBSP |
| 18 | DEWAN TMN MEKAR SARI | PERSATUAN PENDUDUK PANGSAPURI MEKARSARI | MBSP |
| 19 | TADIKA TMN MEKAR SARI | PERSATUAN PENDUDUK PANGSAPURI MEKARSARI | MBSP |

| BIL | DEWAN ORANG RAMAI SPU | PENYELARAS DEWAN | PEMILIK |
|------------|--|---|----------------|
| 20 | DEWAN ORG RAMAI TMN MENERONG INDAH, MK. 6 (LOT 24470) | PERSATUAN PENDUDUK PANGSAPURI MEKARSARI | MBSP |
| 21 | TADIKA TMN MENERONG INDAH, MK. 6 (LOT 24470) | PERSATUAN PENDUDUK PANGSAPURI MEKARSARI | MBSP |
| 22 | DEWAN TMN BERTAM PERDANA 5, (EKO RESIDENSI) LOT 24186 | PERSATUAN PENDUDUK PANGSAPURI MEKARSARI | MBSP |
| 23 | TADIKA TMN BERTAM PERDANA 5, (EKO RESIDENSI) LOT 24185 | PERSATUAN PENDUDUK PANGSAPURI MEKARSARI | MBSP |
| 24 | 3013, MK. 6 | PERSATUAN PENDUDUK PANGSAPURI MEKARSARI | MBSP |
| 25 | 3012, MK. 6 | PERSATUAN PENDUDUK PANGSAPURI MEKARSARI | MBSP |
| 26 | DEWAN TMN AMANSARA, LOT 25113, MK. 6 | PERSATUAN PENDUDUK PANGSAPURI MEKARSARI | MBSP |
| 27 | DEWAN TADIKA (1) TMN AMANSARA, LRG AMANSARA 1, MK. 6 | PERSATUAN PENDUDUK PANGSAPURI MEKARSARI | MBSP |
| 28 | DEWAN TADIKA (2) TMN AMANSARA, LRG AMANSARA 1, MK. 6 | PERSATUAN PENDUDUK PANGSAPURI MEKARSARI | MBSP |
| 29 | DEWAN TADIKA (3) TMN AMANSARA, LRG AMANSARA 1, MK. 6 | PERSATUAN PENDUDUK PANGSAPURI MEKARSARI | MBSP |
| 30 | DEWAN TADIKA (4) TMN AMANSARA, LRG AMANSARA 1, MK. 6 | PERSATUAN PENDUDUK PANGSAPURI MEKARSARI | MBSP |

**MESYUARAT PERTAMA PENGGAL KETIGA
DEWAN UNDANGAN NEGERI PULAU PINANG
YANG KELIMA BELAS
16 MEI 2025**

PERKARA : 5(A)(XVII)25

**SOALAN BERTULIS OLEH AHLI KAWASAN PINANG TUNGGAL
YB BUKHORI BIN GHAZALI**

25. Nyatakan nama-nama pemohon yang berjaya mendapat lesen untuk penjualan mercun di Daerah SPU mengikut DUN.
- (a) Berapakah kadar bayaran setiap lesen penjualan mercun?
- (b) Nyatakan jumlah peniaga yang ditangkap kerana tidak mempunyai lesen jualan dan tindakan terhadap kesalahan tersebut.

**YB H'NG MOOI LYE
MENJAWAB BAGI PIHAK YAB KETUA MENTERI**

25. Berdasarkan maklumat pihak Polis Diraja Malaysia (PDRM) data hanya boleh dikeluarkan melalui pecahan mengikut kaum sahaja seperti berikut:
- (i) Pecahan data mengikut kaum sehingga Mac 2025 bagi IPD Seberang Perai Utara:-

| MENGIKUT KAUM | BIL.PERMOHONAN TAHUN 2025 (SEHINGGA MAC 2025) |
|--------------------------|--|
| MELAYU | 159 |
| CINA | 115 |
| INDIA | 5 |
| JUMLAH DILULUSKAN | 279 |

- (ii) Pecahan mengikut DUN sehingga Mac 2025 di IPD Seberang Perai Utara :-

| DUN | BIL. PERMOHONAN MENGIKUT KAUM | | | |
|---------------------------|-------------------------------|------------|----------|-----------|
| | MELAYU | CINA | INDIA | LAIN-LAIN |
| N1 PENAGA | 17 | 4 | | |
| N2 BERTAM | 26 | 22 | | |
| N3 PINANG TUNGGAL | 31 | 2 | | |
| N4 PERMATANG BERANGAN | 21 | 11 | 3 | |
| N5 SUNGAI DUA | 11 | 4 | 1 | |
| N6 TELOK AYER TAWAR | 15 | 3 | | |
| N7 SUNGAI PUYU | 7 | 7 | | |
| N8 BAGAN JERMAL | 17 | 61 | | |
| N9 BAGAN DALAM | 14 | 1 | 1 | |
| JUMLAH MENGIKUT KAUM | 159 | 115 | 5 | - |
| JUMLAH KESELURUHAN | 279 | | | |

- (a) Kadar bayaran dikenakan oleh pihak PDRM bagi permohonan setiap lesen dicaj adalah RM1.00 bagi semua daerah. Manakala kadar bayaran permit untuk perniagaan di bawah pihak Majlis Bandaraya Seberang Perai (MBSP) adalah seperti jadual diberikan:

| Jenis | Kadar (RM) | Maklumat Tambahan |
|-----------------------------|----------------------|---|
| Permit Perniagaan Sementara | RM15.00/ sebulan | Dicaj bagi semua permohonan |
| Permit Kanopi | Minima RM100.00 | Sekiranya Menggunakan Kanopi |
| Pelekat Kanopi | RM20.00/ unit | Sekiranya Menggunakan Kanopi |
| Cagaran Kanopi | RM150.00 | Sekiranya Menggunakan Kanopi |
| Sewaan Petak Letak Kereta | RM12.00/ hari/ petak | Sekiranya Menggunakan Petak Letak Kereta MBSP |

| | | |
|----------------------------|-----------------------------------|---|
| Cagaran Petak Letak Kereta | (25% daripada Caj Kutipan Sewaan) | Sekiranya Menggunakan Petak Letak Kereta MBSP |
|----------------------------|-----------------------------------|---|

(b) Terdapat 5 tangkapan di Negeri Pulau Pinang sehingga 29 April 2025 iaitu 1 kes di Daerah Seberang Perai Utara dan 4 kes di daerah Barat Daya seperti jadual berikut:

| DAERAH | KES TANGKAPAN | TINDAKAN |
|----------------------|---|--|
| Seberang Perai Utara | 2 (L) (C) Mak Mandin Rpt : 295/25 | Disiasat di bawah Seksyen 8 Akta Bahan Letupan 1957. Hukuman tertakluk kepada keputusan mahkamah. |
| Barat Daya | 1 (L) (M) Bayan Lepas Rpt:1128/25 | Di siasat di bawah Seksyen 8 Akta Bahan Letupan 1957. Hukuman tertakluk kepada keputusan mahkamah. |
| | 1 (L) (M) Bayan Baru Rpt:1399/24 | Di siasat di bawah Seksyen 8 Akta Bahan Letupan 1957. Hukuman tertakluk kepada keputusan mahkamah. |
| | 1 (L) (M) Bayan Baru Rpt:1403/25 | Di siasat di bawah Seksyen 8 Akta Bahan Letupan 1957. Hukuman tertakluk kepada keputusan mahkamah. |
| | 1 (L) (M) Bayan Baru Rpt:1404/25 | Di siasat di bawah Sek 148 KK dan Seksyen 8 Akta Bahan Letupan 1957. Hukuman tertakluk kepada keputusan mahkamah. |

Nyatakan nama-nama pemohon yang berjaya mendapatkan lesen untuk penjualan mercun di Daerah SPU mengikut DUN.

Berdasarkan maklumat pihak Polis Diraja Malaysia (PDRM) data hanya boleh dikeluarkan melalui pecahan mengikut kaum sahaja seperti berikut:

- i. Pecahan data mengikut kaum bagi sehingga Mac 2025 bagi IPD Seberang Perai Utara:-

| MENGIKUT KAUM | BIL.PERMohonAN TAHUN 2025 (SEHINGGA MAC 2025) |
|--------------------------|--|
| MELAYU | 159 |
| CINA | 115 |
| INDIA | 5 |
| JUMLAH DILULUSKAN | 279 |

- ii. Pecahan mengikut DUN sehingga Mac 2025 di IPD Seberang Perai Utara :-

| DUN | BIL. PERMOHONAN MENGIKUT KAUM | | | |
|------------------------------|--------------------------------------|-------------|--------------|------------------|
| | MELAYU | CINA | INDIA | LAIN-LAIN |
| N1 PENAGA | 17 | 4 | | |
| N2 BERTAM | 26 | 22 | | |
| N3 PINANG TUNGGAL | 31 | 2 | | |
| N4 PERMATANG BERANGAN | 21 | 11 | 3 | |
| N5 SUNGAI DUA | 11 | 4 | 1 | |
| N6 TELOK AYER TAWAR | 15 | 3 | | |
| N7 SUNGAI PUYU | 7 | 7 | | |
| N8 BAGAN JERMAL | 17 | 61 | | |
| N9 BAGAN DALAM | 14 | 1 | 1 | |
| JUMLAH MENGIKUT KAUM | 159 | 115 | 5 | - |
| JUMLAH KESELURUHAN | 279 | | | |

a) Berapakah kadar bayaran setiap lesen penjualan mercun?

Kadar bayaran dikenakan oleh pihak PDRM bagi permohonan setiap lesen dicaj adalah **RM1.00** bagi semua daerah. Manakala kadar bayaran permit untuk perniagaan di bawah pihak Majlis Bandaraya Seberang Perai (MBSP) adalah seperti jadual diberikan:

| Jenis | Kadar (RM) | Maklumat Tambahan |
|-----------------------------|-----------------------------------|---|
| Permit Perniagaan Sementara | RM15.00/ sebulan | Dicaj bagi semua permohonan |
| Permit Kanopi | Minima RM100.00 | Sekiranya Menggunakan Kanopi |
| Pelekat Kanopi | RM20.00/ unit | Sekiranya Menggunakan Kanopi |
| Cagaran Kanopi | RM150.00 | Sekiranya Menggunakan Kanopi |
| Sewaan Petak Letak Kereta | RM12.00/ hari/ petak | Sekiranya Menggunakan Petak Letak Kereta MBSP |
| Cagaran Petak Letak Kereta | (25% daripada Caj Kutipan Sewaan) | Sekiranya Menggunakan Petak Letak Kereta MBSP |

b) Nyatakan jumlah peniaga yang ditangkap kerana tidak mempunyai lesen jualan dan tindakan terhadap kesalahan tersebut.

Terdapat **5 tangkapan** di negeri Pulau Pinang sehingga 29 April 2025 iaitu 1 kes di Daerah Seberang Perai Utara dan 4 kes di daerah Barat Daya seperti jadual berikut:

| DEARAH | KES TANGKAPAN | TINDAKAN |
|----------------------|--------------------------------------|--|
| Seberang Perai Utara | 2 (L) (C) Mak Mandin Rpt : 295/25 | Di siasat di bawah Seksyen 8 Akta Bahan Letupan 1957. Hukuman tertakluk kepada keputusan mahkamah. |
| Barat Daya | 1 (L) (M) Bayan Lepas Rpt:1128/25 | Di siasat di bawah Seksyen 8 Akta Bahan Letupan 1957. Hukuman tertakluk kepada keputusan mahkamah. |
| | 1 (L) (M) Bayan Baru Rpt:1399/24 | Di siasat di bawah Seksyen 8 Akta Bahan Letupan 1957. Hukuman tertakluk kepada keputusan mahkamah. |
| | 1 (L) (M) Bayan Baru Rpt:1403/25 | Di siasat di bawah Seksyen 8 Akta Bahan Letupan 1957. Hukuman tertakluk kepada keputusan mahkamah. |
| | 1 (L) (M) Bayan Baru Rpt:1404/25 | Di siasat di bawah Sek 148 KK dan Seksyen 8 Akta Bahan Letupan 1957. Hukuman tertakluk kepada keputusan mahkamah. |

**MESYUARAT PERTAMA PENGGAL KETIGA
DEWAN UNDANGAN NEGERI PULAU PINANG
YANG KELIMA BELAS
16 MEI 2025**

PERKARA : 5(A)(XVII)26

**SOALAN BERTULIS OLEH AHLI KAWASAN PINANG TUNGGAL
YB BUKHORI BIN GHAZALI**

26. Sejauh manakah Kerajaan Negeri melibatkan komuniti OKU dalam perancangan di peringkat PBT (MBPP dan MBSP)?
- (a) Apakah peranan wakil OKU dalam Jawatankuasa Pembangunan Sosial atau MBPP dan MBSP?
 - (b) Adakah Pelan Tindakan Khusus OKU telah dirangka atau dilaksanakan di peringkat negeri?

**YB H'NG MOOI LYE
MENJAWAB BAGI PIHAK YAB KETUA MENTERI**

26. Penglibatan komuniti Orang Kurang Upaya (OKU) dalam perancangan di peringkat Pihak Berkuasa Tempatan (PBT) adalah selari dengan komitmen Kerajaan Negeri Pulau Pinang bagi memastikan semua golongan ini termasuk kanak-kanak dan warga emas tanpa mengira peringkat umur, saiz, jantina, etnik, latar belakang dan keupayaan fizikal mendapat dan menikmati hak dan peluang yang saksama dalam semua aspek kehidupan. Perancangan Kerajaan Negeri dalam melibatkan komuniti OKU di peringkat kedua-dua PBT di Pulau Pinang adalah seperti berikut:
- (i) Penyertaan dalam Jawatankuasa Kumpulan Tindakan Aksesibiliti Pulau Pinang (*Penang Accessibility Action Group* - PAAG). Jawatankuasa ini bertanggungjawab meneliti dan mengesyorkan sebarang perancangan dan inisiatif aksesibiliti reka bentuk sejagat (*Universal Design* - UD) di peringkat Pihak Berkuasa Tempatan (PBT);

- (ii) Penyertaan dalam Pasukan Audit Jawatankuasa Kumpulan Tindakan Aksesibiliti Pulau Pinang (Pasukan Audit PAAG). Pasukan ini bertanggungjawab membantu mengaudit, memeriksa, membincang, meneliti dan mengesyorkan sebarang inisiatif aksesibiliti sejagat kepada pelbagai jabatan/agensi bagi pemajuan-pemajuan di Negeri Pulau Pinang dalam memastikan golongan OKU dapat menyertai semua aspek kehidupan serta bebas halangan (*barrier free*) dengan pematuhan kepada pelaksanaan Akta Orang Kurang Upaya 2008 [Akta 685], Undang-undang Kecil Bangunan Seragam (UKBS) atau *Uniform Building By Law* (UBBL) 1984 & 1986 dan penggunaan UD;
 - (iii) Penglibatan komuniti OKU dalam program-program tertentu termasuk Mesyuarat PAAG di peringkat Negeri dan Mesyuarat UD di peringkat PBT;
 - (iv) Penglibatan komuniti OKU dalam Penyediaan Dasar Bandar Mesra Usia melalui sesi libat urus, perbincangan dan perkongsian sebagai input mewakili suara komuniti OKU;
 - (v) Penglibatan golongan OKU dalam memberi input terhadap penyediaan bajet tahunan di peringkat PBT;
 - (vi) Penglibatan komuniti OKU dalam memberi input dan pandangan untuk penetapan KPI bagi pelaksanaan penambahbaikan fasiliti dan infrastruktur awam mengikut keperluan UD; dan
 - (vii) Pandangan dan suara komuniti OKU diambil sebagai input dalam perancangan pembangunan agar setiap pembangunan yang dilaksanakan diterapkan keperluan UD.
- (a) Peranan wakil OKU dalam Jawatankuasa Pembangunan Sosial di peringkat Kerajaan Negeri dan kedua-dua PBT adalah seperti berikut:
- (i) Membantu dalam membudayakan advokasi bagi hak OKU termasuk warga emas, wanita dan keluarga persekitaran

serta masyarakat yang inklusif dan bebas halangan (barrier free);

- (ii) Berperanan sebagai semak dan imbang bagi kedua-dua Pihak Berkuasa Tempatan (PBT) termasuk agensi teknikal berkaitan keperluan dan pematuhan UD dalam projek-projek pemajuan yang dilaksanakan di Pulau Pinang;
 - (iii) Memainkan peranan aktif dalam mencari penyelesaian bagi sesuatu isu atau masalah yang melibatkan pematuhan UD dan memastikan konsep UD diterapkan dalam perancangan kemudahan dan persekitaran bandar yang boleh diakses tanpa memerlukan sebarang adaptasi atau reka bentuk khas untuk memenuhi keperluan harian dan kehidupan semua golongan individu;
 - (iv) Membantu Pihak Berkuasa Negeri (PBN), Pihak Berkuasa Tempatan (PBT) dan agensi pelaksana atau teknikal lain membuat semakan terhadap permohonan kelulusan pemajuan di Negeri Pulau Pinang bagi pematuhan kepada keperluan UD selari dengan UKBS 1986 (Pindaan 2016) dan MS 1183 dan 1184;
 - (v) Membantu memberi pemahaman yang jelas di kalangan pemegang taruh, pemaju, arkitek, jurutera awam dan struktur, jurutera mekanikal dan elektrik bagi keperluan kepada pematuhan reka bentuk sejagat dalam projek pembangunan di Pulau Pinang; dan
 - (vi) Membantu pasukan audit PAAG dalam mengaudit kemudahan-kemudahan dan persekitaran bandar supaya mematuhi piawaian yang ditetapkan bagi memenuhi keperluan akses oleh semua golongan individu terdiri daripada pelbagai gender, etnik dan latar belakang.
- (b) Pelan Tindakan Khusus OKU telah dirangka atau dilaksanakan di peringkat negeri adalah seperti berikut:
- (i) Kerajaan Negeri menerima pakai Pelan Tindakan Aksesibiliti OKU di bawah Aspek Persekitaran Fizikal bagi Panduan Pelaksanaan oleh Pihak Berkuasa Tempatan (PBT) yang diluluskan di peringkat Persekutuan; dan

- (ii) Kerajaan Negeri melalui MBPP juga telah menyediakan Pelan Tindakan Strategik Bandar Mesra Usia Pulau Pinang Bahagian Pulau yang memfokuskan lapan (8) domain untuk pihak PBT dalam melaksanakan penambahbaikan dalam mewujudkan persekitaran bandar yang bercirikan UD.

**MESYUARAT PERTAMA PENGGAL KETIGA
DEWAN UNDANGAN NEGERI PULAU PINANG
YANG KELIMA BELAS
16 MEI 2025**

PERKARA : 5(A)(XVII)27

**SOALAN BERTULIS OLEH AHLI KAWASAN PINANG TUNGGAL
YB BUKHORI BIN GHAZALI**

27. Apakah pelan jangka panjang Kerajaan Negeri bagi pengurusan tempat pelupusan sampah di seluruh Pulau Pinang?
- (a) Apakah langkah mitigasi yang dirancang bagi mengatasi masalah kapasiti tapak pelupusan?
 - (b) Apakah usaha pendidikan awam yang dilakukan bagi menggalakkan pelaksanaan pengasingan sisa di punca?

**YB H'NG MOOI LYE
MENJAWAB BAGI PIHAK YAB KETUA MENTERI**

27. Sebagai sebahagian daripada strategi jangka panjang Kerajaan Negeri Pulau Pinang dalam mempertingkatkan pengurusan sisa pepejal secara holistik, Majlis Bandaraya Pulau Pinang (MBPP) merancang untuk mewujudkan sebuah Fasiliti Pengurusan Sisa Bersepadu di atas tapak Stesen Pemindahan Sisa Batu Maung.

Cadangan ini bertujuan untuk:

- (i) Membina fasiliti moden berteknologi tinggi bagi pengurusan sisa domestik dan sisa binaan di kawasan bahagian pulau;
- (ii) Mengurangkan pergantungan terhadap penghantaran sisa ke Tapak Pelupusan Pulau Burung (TPSPB) di Seberang Perai;

(iii) Mengoptimumkan pemulihan semula sumber (*resource recovery*) melalui penggunaan teknologi terkini seperti:

- 1) Pemprosesan mekanikal dan biologi (MBT);
- 2) Sistem pemisahan automatik sisa boleh guna semula;
- 3) Rawatan sisa binaan untuk dijadikan bahan pembinaan semula.

Selain itu, di kawasan Seberang Perai pula, pihak Majlis Bandaraya Seberang Perai (MBSP) telah mencadangkan pembukaan *Request for Proposal* (RFP) bagi pelaksanaan projek *Waste to Energy* (WtE) di TPSPB. Projek ini dirancang dengan mengambil kira komponen-komponen seperti berikut:

(i) Pusat Pemprosesan Sisa Pepejal (*Mechanical and Biological Treatment*);

- 1) Kemudahan ini akan memproses sisa pepejal yang masuk ke TPSPB menggunakan teknologi mekanikal dan biologi bagi mengasingkan, memproses dan mengurangkan sisa sebelum pelupusan akhir.

(ii) Pembangunan Tapak Pelupusan Sampah Sanitari Tahap 4;

- 1) Pembinaan tapak pelupusan moden yang mematuhi spesifikasi sanitari terkini untuk mengawal pencemaran air bawah tanah dan udara serta mengurangkan pelepasan gas rumah hijau.

(iii) Pembinaan Pusat Rawatan Sisa Terjadual dan *Secured Landfill*;

- 1) Kemudahan khusus untuk merawat dan melupuskan sisa berjadual secara selamat dan

mematuhi peraturan di bawah Akta Kualiti Alam Sekeliling 1974 (Akta 127); dan

- 2) Termasuk *secured landfill* yang direka untuk sisa berisiko tinggi seperti *e-waste* dan bahan kimia industri.

(iv) Pelupusan Sisa *Sludge*, Cecair dan Sisa Khas (*Special Waste*); dan

- 1) Perkhidmatan khusus untuk melupuskan sisa cecair dan *sludge* yang berasal daripada loji rawatan kumbahan, industri makanan dan bahan kimia, dengan kawalan ketat terhadap pencemaran.

(v) Pelupusan Sisa Binaan, Kebun, Pukal dan Sisa Korekan.

- 1) Penubuhan sistem pelupusan berasingan atau pemulihan bahan buangan dari sektor pembinaan dan penyelenggaraan landskap.

Cadangan pelaksanaan ini merupakan sebahagian daripada usaha Kerajaan Negeri untuk meningkatkan kecekapan pengurusan sisa, mengurangkan kebergantungan kepada pelupusan konvensional, serta menyokong peralihan kepada ekonomi kitaran dan karbon sifar di Negeri Pulau Pinang.

Walau bagaimanapun, pelan jangka panjang Kerajaan Negeri juga akan tertakluk kepada keputusan rundingan pelaksanaan Akta 672 yang sedang dijalankan dengan Kerajaan Persekutuan.

- (a) Kerajaan Negeri Pulau Pinang melalui MBPP dan MBSP sentiasa komited dalam menangani isu kapasiti terhadap tapak pelupusan sampah, khususnya di TPSPB. Sebagai langkah mitigasi jangka pendek dan panjang, Kerajaan Negeri telah melaksanakan pelbagai inisiatif strategik seperti berikut:

(i) Pelaksanaan Semula Dasar Pengasingan Sisa di Punca (PSP);

- 1) Dikuatkuasakan semula mulai 1 Julai 2024, dasar ini bertujuan mengurangkan jumlah sisa yang dihantar ke tapak pelupusan melalui pengasingan awal sisa yang boleh dikitar semula.

(ii) Pembangunan Fasiliti Pengurusan Sisa Bersepadu;

- 1) MBPP merancang untuk membangunkan fasiliti pengurusan sisa bersepadu di Stesen Pemindahan Sisa Batu Maung yang merangkumi rawatan sisa domestik dan sisa binaan menggunakan teknologi moden.

(iii) Projek *Integrated Solid Waste Management Centre* (ISWMC) di Ampang Jajar oleh MBSP;

- 1) Fasiliti ini akan menggunakan teknologi *Non-Thermal Waste to Energy* (WtE) dan *Anaerobic Digestion* bagi memproses sisa, menjana tenaga, dan mengurangkan penghantaran sisa ke TPSPB.

(iv) Cadangan Pelaksanaan Projek WtE di TPSPB; dan

- 1) MBSP telah mencadangkan pembukaan *Request for Proposal* (RFP) untuk pembangunan:
 - a) Pusat Pemprosesan Sisa Pepejal (*Mechanical and Biological Treatment*);
 - b) Tapak Pelupusan Sanitari Tahap 4;
 - c) Pusat Rawatan Sisa Terjadual dan *secured landfill*; dan
 - d) Fasiliti pelupusan sisa *sludge*, cecair dan Sisa Khas (*Special Waste*).

(v) Pemantapan Infrastruktur Kitar Semula.

- 1) Pihak MBSP memperkenalkan inisiatif seperti "Seorang Ahli Majlis, Satu Pusat Kitar Semula"

bagi memperluas capaian kepada kemudahan kitar semula di seluruh kawasan.

Semua inisiatif ini dijalankan secara menyeluruh dengan matlamat untuk memanjangkan jangka hayat tapak pelupusan sedia ada, mengurangkan kesan alam sekitar, dan meningkatkan kadar kitar semula di seluruh negeri.

- (b) Kerajaan Negeri Pulau Pinang melalui Pihak Berkuasa Tempatan (PBT) giat melaksanakan pelbagai program *Communication, Education and Public Awareness* (CEPA) sebagai usaha meningkatkan kesedaran masyarakat terhadap kepentingan pengurusan sisa pepejal yang mampan. Antara inisiatif utama yang dilaksanakan adalah seperti berikut:

(i) Program Pendidikan Komuniti;

- 1) Sesi taklimat, ceramah dan bengkel yang menyasarkan kumpulan sasaran seperti:
 - a) Majlis Pengurusan Komuniti Kampung (MPKK);
 - b) Kawasan Rukun Tetangga (KRT);
 - c) Jawatankuasa Pengurusan Bersama (JMB/MC); dan
 - d) Institusi pendidikan dan sekolah.

(ii) Pengedaran Bahan Informasi;

- 1) Edaran risalah, buku panduan dan bahan pendidikan berkaitan pengasingan sisa di punca dan amalan 3R (*Reduce, Reuse, Recycle*).

(iii) Pemasangan Papan Tanda dan *Banner* Kesedaran; dan

- 1) Pemasangan papan tanda kekal, *banner* dan papan elektronik di lokasi strategik sebagai peringatan dan panduan kepada orang awam.

(iv) Kempen Media Sosial dan Digital.

- 1) Penyebaran mesej kesedaran melalui platform digital seperti Facebook, Instagram dan laman sesawang rasmi MBPP dan MBSP.

Melalui program CEPA ini, masyarakat dididik untuk memainkan peranan aktif dalam mengurangkan sisa, mengasingkan bahan kitar semula, serta menyokong dasar-dasar alam sekitar Kerajaan Negeri secara menyeluruh.

**MESYUARAT PERTAMA PENGGAL KETIGA
DEWAN UNDANGAN NEGERI PULAU PINANG
YANG KELIMA BELAS
16 MEI 2025**

PERKARA : 5(A)(XVII)28

**SOALAN BERTULIS OLEH AHLI KAWASAN PINANG TUNGGAL
YB BUKHORI BIN GHAZALI**

28. Apakah ketetapan Kerajaan Negeri berkaitan penggunaan bahasa dalam papan tanda perniagaan di Pulau Pinang?
- (a) Apakah syarat penggunaan Bahasa Melayu yang diwajibkan kepada pemilik premis?
 - (b) Bagaimanakah penguatkuasaan dijalankan terhadap papan tanda yang ingkar?

**YB H'NG MOOI LYE
MENJAWAB BAGI PIHAK YAB KETUA MENTERI**

- 28 Ketetapan Kerajaan Negeri dan kedua-dua Pihak Berkuasa Tempatan (PBT) berkaitan penggunaan bahasa dalam papan tanda perniagaan di Pulau Pinang adalah dengan mematuhi penggunaan bahasa sepertimana ketetapan di dalam Garis Panduan Menamai Syarikat, Bangunan, Kawasan Perumahan, Taman Awam dan Jalan yang dikeluarkan oleh Dewan Bahasa dan Pustaka (DBP), Garis Panduan Perancangan Papan Tanda Premis Perniagaan (2018) dan Garis Panduan Perancangan Papan Iklan Luar (2015) yang telah diluluskan oleh Mesyuarat Jawatankuasa Perancangan dan Pembangunan PLANMalaysia, Kementerian Perumahan dan Kerajaan Tempatan (KPKT). Ketetapan garis panduan yang telah dikeluarkan berkaitan penggunaan bahasa dalam papan tanda perniagaan ini adalah sebagai perincian kepada syarat-syarat dan peruntukan-peruntukan yang terkandung di dalam Seksyen 22, Akta Syarikat 1965 [AKTA 125], Warta Kerajaan Persekutuan, Bil. 4180, Akta Syarikat 1965 [AKTA 125], Akta Pendaftaran Perniagaan 1956 [AKTA197], Akta Syarikat 2016 [AKTA 777], Akta Pertubuhan 1966

[AKTA 832] serta Undang-Undang Kecil (UUK) Iklan MPSP Tahun 2001 dan UUK Iklan MPPP Tahun 2000 yang dikeluarkan oleh Pihak Berkuasa Tempatan (PBT).

- (a) Syarat-syarat penggunaan Bahasa Melayu pada papan tanda perniagaan adalah seperti berikut:
 - (i) Bahasa Melayu hendaklah digunakan dalam semua jenama keutamaan di papan tanda perniagaan sama ada secara sendiri atau bersama bahasa-bahasa lain kecuali bagi jenama khas perniagaan. (Contohnya TOSHIBA, SAMSUNG);
 - (ii) Bahasa kebangsaan yang digunakan dalam iklan mestilah betul dan tepat dari segi ejaan, istilah dan tatabahasa serta sopan dan tidak mempunyai konotasi buruk; dan
 - (iii) Perlu mendapat pengesahan dan sijil daripada daripada DBP. DBP akan mengesahkan kandungan bahasa yang digunakan dalam semua papan iklan luar, iklan tiang, iklan elektronik, papan premis perniagaan, kain rentang, gegantung, poster, badan kenderaan, notis makluman dan pelabelan.
- (b) Penguatkuasaan yang dijalankan terhadap papan tanda yang ingkar adalah seperti berikut:
 - (i) Mengeluarkan notis tawaran kompaun bagi kesalahan pemasangan papan tanda tanpa lesen atau tidak mematuhi syarat-syarat pelesenan;
 - (ii) Mengeluarkan notis menghendaki papan iklan diturunkan bagi tempoh tertentu;
 - (iii) Menjalankan tindakan penurunan papan tanda sekiranya pemilik iklan gagal mematuhi notis yang telah dikeluarkan; dan
 - (iv) Pemantauan kedua-dua PBT bersama pihak DBP turut dijalankan bagi memastikan pematuhan kepada penggunaan bahasa pada papan iklan dikuatkuasakan.